

UCAPAN BELANJAWAN DBKL 2024

Oleh

**YBHG. DATUK Sr HJ KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

20 DISEMBER 2023

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

YBhg Datuk-Datuk / Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, saya dapat membentangkan Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tahun 2024 buat pertama kali sejak saya dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur.

2. Dengan tema belanjawan “**Aspirasi Madani, Bandar Raya Lestari**” belanjawan DBKL 2024 dirangka selaras dengan enam (6) prinsip Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, berdaya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.
3. Kuala Lumpur adalah sebuah bandar raya yang hanya berkeluasan 243.65 kilometer persegi. Namun begitu menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023, anggaran penduduk Kuala Lumpur telah mencecah 1.99 juta orang pada tahun 2023 berbanding 1.96 juta orang pada tahun 2022. Kepadatan penduduk yang tinggi ini menjadi cabaran besar kepada DBKL bagi memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa berada pada tahap yang cemerlang antaranya yang melibatkan pengindahan dan kebersihan awam, pengurusan sisa pepejal, perancangan bandar dan kawalan binaan, pengurusan lalu lintas, penjaja dan peniaga kecil, penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam serta penyediaan perumahan yang mencukupi.
4. Sepanjang tahun 2023, DBKL telah memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk warga kota dan sedaya upaya memastikan bandar raya

Kuala Lumpur berada dalam keadaan sejahtera dan selamat. Hasilnya DBKL dan bandar raya Kuala Lumpur telah mendapat beberapa pengiktirafan di peringkat dalam negara mahupun antarabangsa serta menerima beberapa anugerah penting daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Bandar Pintar Negara.

5. Sempena dengan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2023 peringkat kebangsaan yang telah diadakan pada 9 November 2023 yang lalu, Kuala Lumpur telah menerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar – *Smart City Early Adopter*. Selain itu, DBKL turut menerima Anugerah Rosa-Sinensis daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana anugerah ini diberikan kepada PBT, agensi kerajaan serta pihak swasta yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar.
6. Perancangan bandar yang terancang adalah penting dalam setiap pembangunan hari ini yang akan memberi kesan kepada perkembangan pada masa hadapan. Justeru itu, DBKL amat komited

dalam memastikan setiap permohonan perancangan pembangunan diteliti dan dikaji sebelum ianya diberi kelulusan. Selaras dengan perkara tersebut, satu Majlis Peluncuran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) telah disempurangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 9 November 2023 bertempat di Dewan Perdana Mestika, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. Seterusnya Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 ini mula dikuatkusakan pada 23 November 2023.

7. PSLK 2040 ini dirangka dengan mengambil kira perubahan semasa dan masa hadapan bandar Kuala Lumpur seperti perubahan iklim, ekonomi, demografi, gaya hidup dan infrastruktur. Selain itu ianya juga adalah rangka kerja pentadbiran dan panduan kepada warga kerja DBKL dalam memastikan pembangunan dan pentadbiran bandar raya Kuala Lumpur dalam keadaan terancang bagi mencapai visi DBKL sebagai Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua Menjelang 2030.

8. Selain daripada itu, Kuala Lumpur telah tersenarai dalam kalangan 10 bandar di seluruh dunia yang merekodkan lonjakan terbesar dalam indeks daya huni global tahun 2023. Menurut kajian yang dilakukan oleh *Economist Intelligence Unit (EIU)*, Kuala Lumpur mencatat

lonjakan sebanyak 19 anak tangga dari ranking daya huni terdahulu iaitu di tempat ke-94 di peringkat global. Pengiraan rating bagi menentukan indeks daya huni ini juga dibuat berlandaskan lima kategori iaitu kestabilan, sistem kesihatan, budaya dan persekitaran, pendidikan dan infrastruktur.

9. Belanjawan 2024 telah disediakan dengan mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur sebagai fokus utama. Setiap peruntukan yang diperuntukkan sama ada melalui program dan pembangunan fizikal adalah demi kebaikan warga kota. Saya percaya Belanjawan 2024 mampu memenuhi keperluan warga kota dengan lebih efektif.

BELANJAWAN 2024

10. DBKL telah menyediakan Belanjawan 2024 dengan peruntukan sebanyak **RM2.66 bilion**, di mana **RM2.01 bilion** atau **75.7%** telah disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM0.65 bilion** atau **24.3%** untuk Peruntukan Pembangunan.
11. Secara keseluruhannya terdapat **peningkatan sebanyak 2.13% berbanding belanjawan 2023** yang berjumlah **RM2.60 billion**.

ANGGARAN HASIL 2024

12. Secara umumnya, Anggaran Hasil 2024 dijangka **meningkat** kepada **RM2.31 bilion** berbanding **RM2.08 bilion** pada tahun 2023 iaitu kenaikan sebanyak **10.8%**.
13. Hasil cukai taksiran pada tahun 2024 dianggarkan berjumlah **RM1.44 bilion** dan ianya merupakan hasil utama DBKL yang menyumbang sebanyak **62.4%** daripada hasil keseluruhan DBKL. Sehingga kini, bilangan harta tanah di Kuala Lumpur yang terdiri daripada bangunan pejabat, rumah kediaman, hotel dan premis perniagaan telah direkodkan sebanyak 751,280 akaun.
14. Selain hasil Cukai Taksiran terdapat juga hasil-hasil lain seperti Kawalan Binaan Dan Perancangan, Lesen dan permit, Sewaan Harta dan Sewaan Perumahan, Denda dan Kompaun dan terimaan daripada Kerajaan Pusat.
15. Pada tahun 2024 DBKL mengambil inisiatif untuk melaksanakan **Program Cabutan Bertuah** bagi tujuan untuk menghargai pemilik harta yang membayar Cukai Taksiran tanpa bertunggakan dan juga

untuk menarik minat pemilik akaun yang bertunggakan untuk membayar Cukai Taksiran.

16. Pelbagai hadiah menarik akan disediakan untuk **Program Cabutan Bertuah** tersebut iaitu kereta elektrik BYD Dolphin, Motorsikal, barang elektrik, barang tablet, basikal elektrik dan 1 Dinar yang mempunyai ukiran logo DBKL. Anggaran keseluruhan nilai hadiah untuk Program Cabutan Bertuah ini **adalah RM0.39 juta**
17. Selain daripada itu, tujuan program ini juga adalah bagi mendapatkan maklumat e-mel dan nombor telefon pemilik harta bagi pelaksanaan eBill yang mana bil Cukai Taksiran akan dihantar melalui e-mel atau whatsapp/sms. Melalui pelaksanaan eBill ini DBKL dijangka akan dapat menjimatkan kos setem yang dianggarkan berjumlah RM2.5 juta setahun.

PERUNTUKAN MENGURUS 2024

18. Pada tahun 2024, DBKL akan memperuntukkan sejumlah **RM2.01 bilion** dalam Peruntukan Mengurus. Ia terbahagi kepada lima komponen utama iaitu **RM503.6 juta (25%)** adalah bagi Gaji, Upahan

dan Manfaat Pekerja, **RM68.5 juta (3.4%)** disediakan bagi Bayaran Lebih Masa dan **RM1.32 bilion (65.7%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan.

19. Dalam pada masa yang sama, sebanyak **RM96.5 juta (4.8%)** adalah bagi Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap dan bakinya sebanyak **RM21.1 juta (1.1%)** diperuntukkan bagi Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2024

20. Bagi Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM0.65 bilion** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, pembelian dan penggantian aset-aset modal sepanjang tahun 2024.
21. Jumlah tersebut terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak **RM569.7 juta (88.1%)** manakala **RM77 juta (11.9%)** merupakan pembiayaan kerajaan dan lain-lain.
22. Pembiayaan Kerajaan adalah terdiri daripada projek-projek pembangunan di bawah **Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12)** sebanyak **RM59.6 juta (9.2%)** dan sebanyak **RM16.7 juta (2.6%)**

diperuntukkan di bawah program **NKEA Greater KL / KV** bagi projek **River of Life dan KL Heritage Trail** serta baki sejumlah **RM0.63 juta (0.01%)** adalah bagi projek **Pedestrian Linkages** yang disumbangkan oleh **Petronas**.

11 PROGRAM KEUTAMAAN BELANJAWAN 2024

23. Untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sejahtera untuk semua menjelang tahun 2030, DBKL telah menyediakan peruntukan mengikut 11 program keutamaan iaitu :

i. Program Pengurusan Mitigasi Banjir:

Bandar Raya Kuala Lumpur seringkali dilanda hujan lebat yang mengakibatkan air bertakung berlaku di beberapa kawasan yang berkemungkinan terdapat sistem perparitan yang tersumbat dan memerlukan kerja-kerja menaiktaraf atau membaikpulih sistem saliran sedia ada.

Menyedari hakikat tersebut DBKL telah menyediakan **peruntukan sebanyak RM170.5 juta merangkumi peruntukan mengurus dan pembangunan**. Di bawah **peruntukan mengurus, DBKL**

telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM117.4** juta bagi pengurusan sistem saliran dan perparitan ini termasuk penyelenggaraan sungai, parit induk, longkang tepi jalan, dan rumah pam. Manakala bagi **peruntukan pembangunan** pula sejumlah **RM53.1** juta diperuntukkan untuk projek mempertingkatkan sistem saliran dan perparitan, kolam takungan banjir, *flood wall* dan sistem pam.

ii. Program pengurusan kesesakan lalu lintas :

Bagi mewujudkan satu struktur bandar raya yang efisien, keupayaan menyediakan satu sistem perhubungan yang komprehensif, bersepadu dan kemudahsampaian yang tinggi kepada pengguna dan penduduk Kuala Lumpur adalah penting. Dengan anggaran lebih 2,078 kilometer panjang jalan raya yang perlu disenggara oleh DBKL, sebanyak **RM40** juta diperuntukkan di bawah Peruntukan Mengurus yang terdiri daripada penyelenggaraan infrastruktur berkaitan lalu lintas, jalan raya, pengurusan sistem trafik, pengurusan lampu isyarat dan CCTV.

Selain itu DBKL turut mengambil inisiatif dengan menyediakan *tidal flow inbound* dan *outbound* bagi mengurangkan kesesakan dan melancarkan aliran trafik di kawasan Kuala Lumpur. Antaranya adalah *tidal flow inbound* dan *outbound* sepanjang 6 kilometer di Jalan Ampang serta pengaktifan Lorong bas khas pada waktu puncak dan *tidal flow inbound* dan *outbound* sepanjang 9 kilometer di Jalan Loke Yew. DBKL turut melaksanakan inisiatif baru dengan menggunakan bas mini elektrik secara *Proof Of Concept* (POC) bagi penyesuaian trafik di dalam Kuala Lumpur.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, DBKL telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM91.4 juta** pada tahun 2024 dengan melibatkan **59 projek** untuk dilaksanakan bagi tujuan kerja-kerja pembinaan jalan raya, jalan sambungan, jalan raya bertingkat, naiktaraf dan pelebaran jalan raya. Antaranya adalah membina Jalan Sambungan Dari Jalan 2/76 ke Kg. Pandan, Kuala Lumpur dengan **peruntukan RM4 juta**, kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula jalan di kawasan perumahan Kuala Lumpur dengan **peruntukan RM3.5 juta**, projek peningkatan dan pelebaran jalan di Jalan Yew Dan Jalan Sungai Besi (Diantara Bulatan

Kampung Pandan Dengan Lebuhraya Sungai Besi Dan Lebuhraya KL-Seremban) dengan **peruntukan RM25 juta** dan projek-projek lain berkaitan pelebaran jalan dan menaiktaraf jalan raya sedia ada bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

iii. **Program Low Carbon :**

Pelepasan karbon yang tinggi adalah antara punca utama yang menyebabkan perubahan iklim atau *climate changes*. Justeru itu, DBKL terus komited merealisasikan visi Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon pada tahun 2030 dan mencapai bandar karbon neutral menjelang tahun 2050. Dalam hal ini, DBKL mensasarkan suhu bandar raya yang lebih rendah dalam 10 tahun akan datang. Oleh itu, inisiatif-inisiatif untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon akan diteruskan pada tahun 2024. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan pada penjimatan tenaga elektrik, pengurangan penggunaan kenderaan persendirian, pengurusan sampah yang efisien dan pengurusan sisa industri.

Bagi memastikan usaha-usaha ini diteruskan, sebanyak **RM55.9 juta** telah diperuntukkan pada tahun 2024 yang melibatkan program

dan projek bagi penjimatan tenaga, projek laluan basikal, program bas elektrik, program kesedaran alam sekitar, program kitar semula, solar panel serta penanaman pokok bagi mencapai sasaran menurunkan 70% karbon menjelang tahun 2030.

iv. Program Kuala Lumpur Command & Control Centre (KLCCC)

KLCCC berperanan sebagai hab pengurusan lalu lintas di Kuala Lumpur dan menyebarkan informasi tersebut kepada seluruh warga kota melalui medium media sosial dan juga radio-radio tempatan dari semasa ke semasa. Selaras dengan matlamat DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar selamat untuk semua, fungsi KLCCC ini telah diperluaskan dengan turut mengambil kira aspek keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan warga kota.

Sehingga kini, sebanyak 5,000 CCTV dan 140 unit paparan maklumat boleh ubah (VMS) telah dipasang sepanjang 2,000 kilometer rangkaian jalan sekitar Kuala Lumpur. Selain itu sebanyak 42 *panic button* serta pembesar suara turut di pasang di taman-taman awam dan lokasi awam. Untuk makluman,

sebahagian daripada 5,000 CCTV tersebut telah pun dilengkapi dengan 15 fungsi *Artificial Intelligence (AI)*. Untuk memastikan pengurusan KLCCC berjalan dengan baik, **sebanyak RM68 juta** telah diperuntukkan di bawah peruntukan mengurus pada tahun hadapan untuk tujuan sewaan CCTV dan VMS.

v. **Program kelestarian bandar :**

Bertepatan dengan konsep *Bandar Selamat* dan *Bandar Raya Taman Bercahaya*, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa dalam keadaan cerah bercahaya yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan keselamatan mencukupi agar dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya. Selain itu dalam usaha memastikan Kuala Lumpur mengekalkan keindahan dan kehijauan dalam bandar raya pada tahun hadapan, DBKL komited dalam memastikan elemen landskap pada susun atur hijau di semua taman awam, kawasan lapang hijau dan kawasan rekreasi dipertingkatkan.

Untuk itu, sejumlah **RM428.6 juta** peruntukan mengurus telah disediakan pada tahun 2024 bagi tujuan kerja-kerja pengindahan

landskap, penyelenggaraan taman-taman awam, penyelenggaraan lorong-lorong, jalan, parit, lampu jalan, jejambat, jejantas, pembersihan bandar, serta pengindahan bangunan warisan dan ikonik.

Di bawah peruntukan pembangunan pula **sejumlah RM24.6 juta** telah diperuntukkan pada tahun hadapan untuk melaksanakan projek-projek pengindahan dan naik taraf jalan-jalan utama dan laluan pejalan kaki, kerja-kerja naik taraf *Quick Win* di 11 kawasan parlimen Kuala Lumpur, pengindahan sungai di bawah *River Of Life* (ROL), projek pencahayaan ruang perbandaran serta kerja naik taraf landskap, taman-taman awam dan *pocket park*.

vi. **Program Pengurusan Penjaja :**

Seperti mana kita maklum pihak kerajaan telah memperkenalkan banyak inisiatif untuk membantu rakyat dalam menangani peningkatan kos sara hidup. Justeru itu DBKL terus mengambil langkah menyokong pelan kerangka ekonomi madani bagi mencipta peluang pekerjaan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang mesra perniagaan,

memudahkan proses kelulusan permit dan lesen perniagaan serta menyediakan pusat-pusat penjaja yang kondusif untuk perniagaan. Bagi tujuan tersebut di dalam tahun 2023, DBKL telah melancarkan program Lestari Niaga@Kuala Lumpur yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 5 September 2023. Lestari Niaga@Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif kerajaan MADANI untuk menaiktaraf fasiliti gerai-gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kepada fasiliti yang lebih kondusif dan selesa.

Program ini memberi impak positif di kalangan warga kota yang dapat menjamu selera dalam suasana yang lebih *vibrant* dengan menikmati pengindahan fasad, cat baru yang lebih cantik dan kemudahan paip-paip air yang telah dibaik pulih. Sehingga kini sebanyak **63 pusat penjaja dan medan selera telah siap sepenuhnya di naiktaraf dan dibaik pulih.** Antaranya adalah Pusat Penjaja Bandar Sri Permaisuri, Pusat Penjaja Taman Botani, Pusat Penjaja Taman Maluri, Pusat Penjaja Cenderasari, Medan Selera D'Rejang, Pusat Penjaja Jalan Thaves dan pusat-pusat penjaja lain dan medan selera di sekitar Kuala Lumpur.

Bertepatan dengan harapan DBKL untuk menggalakkan pembangunan penjaja, pengusaha dan peniaga kecil di Kuala Lumpur, sejumlah **RM26.5 juta** turut disediakan di bawah peruntukan mengurus yang sebahagian besarnya meliputi bayaran bil utiliti seperti bil air dan elektrik, kerja-kerja penyenggaraan dan baik pulih bangunan serta penyenggaraan mesin rumah sampah.

Selain itu, **RM 1.7 juta** turut disediakan untuk Program Bazar Perayaan yang dijangka diadakan pada setiap tahun sempena musim perayaan awam negara, selain **RM 0.3 juta** untuk Program Pembangunan dan Penggalakan Usahawan yang bakal memberi manfaat kepada pihak penjaja warga kota termasuk golongan belia.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM55.8 juta** disediakan bagi pembangunan, pembinaan serta naiktaraf pasar dan pusat penjaja di seluruh kawasan Kuala Lumpur. Antaranya adalah bagi projek pembangunan semula Pasar Jalan Raja Bot berjumlah **RM30 juta** dan pembangunan Bazaria Genting Klang berjumlah **RM10 juta**.

vii. **Program Council Home / Perumahan Bandar :**

DBKL telah memulakan projek perumahan yang dikenali sebagai Rumah Majlis (*Council Home*) berkeluasan minimum 750 kaki persegi seunit di atas tapak-tapak milik DBKL untuk disewakan kepada warga kota yang berkelayakan pada kadar sewaan yang lebih rendah berbanding kadar pasaran untuk suatu tempoh tertentu. Pada tahun 2022, *Council Home* di Sungai Udang Kuala Lumpur telah siap dibina dengan menelan belanja sebanyak **RM348.5 juta** dan menawarkan **1,251 unit kediaman untuk disewa.**

Selain daripada *Council Home* Sungai Udang, DBKL turut meneruskan pembinaan untuk enam lagi *Council Home* iaitu di Jalan Selimang / Jalan Siakap, Taman Desa (1), Taman Desa (2), Sungai Besi, Tasik Permaisuri dan Kuarters DBKL Sentul. Keseluruhan **peruntukan pembangunan** yang telah disediakan pada tahun 2024 adalah **berjumlah RM125 juta.**

DBKL berharap agar projek perumahan *Council Home* ini akan memberi manfaat kepada golongan B40 dan M40 yang menetap di

Kuala Lumpur daripada aspek keselesaan dan kualiti kediaman serta kehidupan yang lebih baik.

viii. Program pembangunan dan kesejahteraan komuniti :

Peranan DBKL bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata, malahan DBKL juga bertanggungjawab di dalam mempertingkatkan pembangunan masyarakat warga kota. Masyarakat yang sejahtera merupakan jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur berdaya saing dan terus maju. Untuk itu, pada tahun 2024, DBKL telah memperuntukkan **sejumlah RM350 juta di dalam peruntukan mengurus dan pembangunan** bagi pembangunan dan kesejahteraan komuniti warga kota.

Sejumlah **RM124.8 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus khas untuk warga kota Kuala Lumpur. Ianya merangkumi **RM7.1 juta** dalam Aktiviti Pembangunan Sosial dan Gotong Royong, **RM46 juta** bagi pengurusan perkhidmatan bas GO KL yang akan diperluaskan lagi jaringan laluan dan bilangan bas berbanding pada tahun 2023, dan program bantuan bas

sekolah percuma kepada murid-murid yang kurang berkemampuan dengan peruntukan sebanyak **RM13 juta**.

Tidak ketinggalan, pelbagai program khas komuniti warga kota yang turut melibatkan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan gelandangan yang merangkumi pelbagai peringkat umur terus diperuntukkan dalam Bajet 2024 ini dengan anggaran peruntukan **berjumlah RM58.7 juta**.

Selain itu, DBKL juga komited untuk mengurus lebih 39,180 unit rumah di 32 kawasan PPR dan 31 kawasan PA di sekitar Kuala Lumpur. Peruntukan Mengurus yang besar sebanyak **RM122.3 juta** disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa yang melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif / mesin, sewaan cctv, penyelenggaraan rumah sampah dan kontrak pembersihan selain bayaran kontrak untuk yuran pengurusan yang perlu ditanggung DBKL. Hal ini perlu dilakukan oleh DBKL untuk memastikan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat sentiasa terpelihara dan terjaga.

Di bawah peruntukan pembangunan pula sejumlah **RM17.9 juta** diperuntukkan untuk projek penggantian dan naiktaraf lif di beberapa kawasan PA dan PPR bagi menjamin keperluan dan mengatasi masalah kerosakan lif berulang. Selain itu, kerja-kerja naiktaraf sistem elektrik bagi pemasangan *branch cable*, naiktaraf sistem bekalan air dalam bangunan turut diambilkira dalam belanjawan 2024. Selain daripada itu, sejumlah **RM85 juta** diperuntukkan untuk tujuan pembinaan dan naiktaraf dewan masyarakat, dewan komuniti serta dewan serbaguna di seluruh Kuala Lumpur yang bakal memberi manfaat kepada penduduk di sekitarnya.

ix. Program Kebudayaan, Kesenian dan Sukan :

Aktiviti dan program kebudayaan, kesenian dan sukan adalah penting bagi perkembangan fizikal dan minda warga kota di samping mengukuhkan semangat kemasyarakatan. Kuala Lumpur perlu membangun sebagai satu entiti moden dengan identiti dan imej tersendiri yang kaya dengan warisan, seni dan budaya yang menjadi kebanggaan warga kota dan negara.

Justeru itu, dalam mencapai usaha ini, sejumlah **RM14.1 juta** diperuntukkan dalam peruntukan mengurus tahun 2024. Antaranya, sejumlah **RM6.6 juta** diperuntukkan untuk pelbagai kegiatan sukan, kebudayaan dan persembahan muzik Kuala Lumpur, manakala **RM5.5 juta** pula diperuntukkan untuk penyenggaraan stadium / kompleks renang dan kolam renang bagi kemudahan riadah warga kota termasuk dewan dan kompleks sukan serta penyelenggaraan bangunan warisan di Bangunan Sultan Abdul Samad.

Di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM5.1 juta** disediakan bagi program ini. Sebahagian besarnya, iaitu sebanyak **RM4 juta** adalah untuk naiktaraf dan baikpulih Stadium Hoki Kuala Lumpur. Selebihnya **RM1.1 juta** adalah untuk baikpulih stadium, gelanggang dan naiktaraf padang bola bagi menggalakkan warga kota mengamalkan aktiviti hidup sihat dengan bersukan.

x. Program Pelancongan :

Selaras kempen Tahun Melawat Malaysia tahun 2026, Kuala Lumpur perlu terus dipromosikan sebagai sebuah pilihan destinasi pelancongan yang terbaik di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, sejumlah **RM5.6 juta** disediakan di bawah peruntukan mengurus untuk aktiviti penggalakan pelancongan di Kuala Lumpur.

xi. Kursus / Program Capacity Building

Kakitangan merupakan aset terpenting dan tenaga penggerak yang menyumbang kepada sesebuah organisasi bagi melaksanakan operasi dan aktiviti harian agar perkhidmatan yang berkesan dapat disampaikan oleh DBKL kepada warga kota.

Dengan itu, bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan DBKL, **sejumlah RM9.6 juta di bawah peruntukan mengurus** disediakan pada tahun 2024 untuk tujuan latihan dan peningkatan kemahiran kakitangan. Jumlah peruntukan yang disediakan adalah selari dengan indikator yang perlu dipenuhi

oleh DBKL dalam mendapat penarafan 5 bintang di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan.

PENUTUP DAN RUMUSAN

37. Secara keseluruhannya, Belanjawan 2024 adalah merupakan ***Belanjawan Defisit*** berjumlah **RM275.9 juta** dimana Anggaran Hasil DBKL dijangka tidak dapat menampung perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan pembiayaan DBKL yang berjumlah **RM2.58 bilion**.
38. Harapan saya agar Belanjawan DBKL 2024 yang bertemakan **“Aspirasi Madani, Bandar Raya Lestari”** dapat memberi manfaat kepada warga kota dan menjadi tanggungjawab DBKL dalam menzahirkan setiap keperluan dan kehendak warga kota direalisasikan sebaiknya.
39. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan media yang sentiasa bersama-sama DBKL dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada warga kota.

40. Akhir kata, saya berdoa dan berserah kepada Allah S.W.T agar amanah yang dipikul ini dapat disempurnakan dengan penuh integriti demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota.

41. Sekian sahaja pembentangan saya bagi Belanjawan 2024, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

SEKIAN, TERIMA KASIH